



Ruj. Kami : JPWPKL.600-3/5/5 Jld.42 (65)

Tarikh : 16 Jun 2026

Pengarah INEX26
Digit 360 Sdn. Bhd.
Blok H - Harmoni Square
17500 Tanah Merah
Kelantan

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN DAN PELIBATAN MURID DALAM INTERNATIONAL INNOVATION AND ENTREPRENEURSHIP EXPO (INEX26) 1ST EDITION ANJURAN DIGIT 360 SDN. BHD.

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat daripada pihak tuan bertarikh 21 Mei 2026 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) telah menerima dan meneliti permohonan tuan bagi kebenaran program dan penglibatan murid dalam program di atas. Pihak JPWPKL sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam program pembangunan kokurikulum di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak JPWPKL mengambil maklum akan permohonan tuan serta **tiada halangan** bagi pelaksanaan program dan pelibatan murid dalam **International Innovation and Entrepreneurship Expo (INEX26) 1st Edition** mulai **12 Jun hingga 15 Oktober 2026 secara dalam talian**. Pihak tuan perlu mengemukakan permohonan baharu sekiranya melibatkan rakaman dan liputan media.

4. Pihak tuan juga adalah tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat dalam Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) dan Surat Siaran Kementerian Pendidikan (KPM) seperti berikut:

- 4.1 **SPI KPM Bil. 5/2018** Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan;
- 4.2 **Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil. 2/2010** Garis Panduan Pelaksanaan Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar;
- 4.3 **Surat Siaran KPM Bil 9/2024** Pelaksanaan Surat Akuan Ibu Bapa/Penjaga untuk Kebenaran Rakaman Gambar/ Video/ Audio Murid serta Memuat Naik ke Laman Media Sosial bagi Program Anjuran Institusi Pendidikan Bawah KPM.

..2/-

5. Di samping itu, kerjasama pihak tuan adalah dimohon untuk memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

- 5.1 Mendapatkan kebenaran Pengetua/Guru Besar bagi penyertaan guru dan murid;
- 5.2 Penyertaan murid hendaklah **secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga**;
- 5.3 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 5.4 **Tiada unsur paksaan** kepada sekolah, guru dan murid untuk menyertai aktiviti tersebut;
- 5.5 Penyertaan murid dan guru **tidak mengganggu atau menjejaskan waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)**.
- 5.6 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program dan aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar**;
- 5.7 **Tiada implikasi kewangan** kepada JPWPKL, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (**SPI Bil. 5/2018**);
- 5.8 Pihak penganjur tidak dibenarkan mengadakan pameran, demonstrasi dan seumpamanya di sekolah sebagai promosi dagangan atau barangan kepada guru dan murid;
- 5.9 Pihak penganjur tidak dibenarkan menyentuh elemen politik, perkauman dan ekstremisme serta menyentuh dasar-dasar KPM yang sedang berkuat kuasa;
- 5.10 Pihak penganjur dimohon untuk menerapkan amalan nilai murni pembinaan karakter murid dan nilai perpaduan dalam pelaksanaan program;
- 5.11 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya pemakluman dapat dibuat kepada murid yang terlibat;
- 5.12 Penggunaan logo KPM atau JPWPKL tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo kepada Unit Komunikasi Korporat (rujuk syarat permohonan di <https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo>) selepas mendapatkan maklum balas permohonan penganjuran program ini;
- 5.13 Pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insurans kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid terlibat;
- 5.14 Jabatan ini tidak akan menanggung sebarang risiko sekiranya pihak penganjur tidak mematuhi SPI dan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 5.15 **Pihak JPWPKL berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran** sekiranya pihak tuan **gagal mematuhi syarat dan peraturan** yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa.

6. Maklum balas program ini adalah untuk pelaksanaan program di atas sahaja dan **tamat tempohnya berakhir 15 Oktober 2026**. Pihak tuan boleh menghubungi **Puan Saidah binti Muhamed** (Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPWPKL) melalui talian **03-6204 6856** atau e-mel **saidah.muhamed@moe.gov.my** untuk sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AZIZ BIN HASHIM)

Timbalan Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
b.p. Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan